HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA

(12) HBM/1/1

22 Julai 2020

Semua Yang Arif Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya
Seluruh Semenanjung Malaysia

Yang Arif,

PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA BIL. 1/2020 TENTANG PENYARUNGAN JUBAH KEPADA PELATIH YANG DITERIMA MASUK SEBAGAI PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA SEMASA PENDENGARAN PENERIMAAN MASUK PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA MAHKAMAH TINGGI MALAYA

Sepertimana Yang Arif sedia maklum, Majlis Peguam diberi kuasa untuk membuat apa-apa kaedah yang perlu bagi mengawal selia amalan pengamal undang-undang di Malaysia berdasarkan peruntukan Seksyen 57 Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*].

2. Saya ingin menarik perhatian Yang Arif kepada peruntukan ***Ruling 10.04 (3) of the Rules and Rulings of the Bar Council*** menyatakan seperti yang berikut:

> " ***Bar Council Ruling 10.04: Duties and obligations of a master as regards his/her pupil's call to the Bar***
>
> . . .
>
> ***(3) Only an Advocate and Solicitor with a valid practicing certificate and who has at least 7 years' standing shall robe a pupil upon admission to the Bar by the Presiding Judge.***
>
> . . . "

...2/-

3. Majlis Peguam telah membangkitkan tentang ketidakpatuhan dalam amalan menyarungkan jubah (*to robe*) pelatih semasa pendengaran penerimaan masuk peguam bela dan peguam cara seperti yang diperuntukan dalam ***Ruling 10.04 (3)*** itu.

4. Sehubungan dengan itu, Yang Arif hendaklah memastikan peruntukan tersebut dipatuhi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permohonan dibuat secara rasmi kepada Mahkamah untuk seseorang yang bukan peguam bela dan peguam cara yang layak seperti yang dinyatakan, Yang Arif bolehlah menggunakan budi bicara yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

(TAN SRI DATO' SRI AZAHAR BIN MOHAMED)
Hakim Besar Malaya

s.k.:

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara
   Mahkamah Persekutuan Malaysia
   PUTRAJAYA

2. YBhg. Peguam Negara Malaysia
   Jabatan Peguam Negara
   PUTRAJAYA

3. YBrs. Ketua Pendaftar
   Mahkamah Persekutuan Malaysia
   PUTRAJAYA

4. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
   Mahkamah Persekutuan Malaysia
   PUTRAJAYA

5. Yang Dipertua
   Majlis Peguam Malaysia
   KUALA LUMPUR